

From: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir -IPDM
Sent: 23 Februari 2017 11:32
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Subject: JANGAN DAH GAWAT, BARU MAHU RAWAT - PENGARAH IPDM



23 FEBRUARI 2017 / 26 JAMADILAWAL 1438H

**"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

JANGAN DAH GAWAT, BARU MAHU RAWAT

MUSIM persekolahan sudah lama bermula. Ini bermakna banyak masa anak-anak dihabiskan di sekolah. Bermulanya sesi pembelajaran pada pagi hari, berakhir pada waktu tengah hari dan ada kalanya menginjak sehingga waktu petang. Boleh dikatakan sepanjang hari, aktiviti anak-anak dilonggokkan di sekolah termasuklah makan dan minum. Namun, bagaimanakah pula corak pemakanan anak-anak apabila di luar pemantauan ibu bapa? Secara tidak langsung, pihak kantin sekolah memainkan peranan penting dalam menyediakan makanan untuk anak-anak di sekolah.

Dalam tahun 2016 sahaja lebih dari 150 kes keracunan makanan melibatkan kantin dan asrama sekolah dan meracuni lebih dari 6,000 orang pelajar. Berdasarkan Laporan Awal Wabak Penyakit Bawaan Makanan dan Air di Malaysia, faktor utama penyumbang kepada keracunan makanan berlaku adalah bahan mentah tercemar, pencemaran dari tangan pengendali dan peralatan kepada makanan, tempoh penyimpanan makanan melebihi empat jam pada suhu yang tidak sesuai, pengendali makanan yang tidak terlatih, proses memasak yang singkat menyebabkan makanan tidak masak dengan sempurna dan proses nyah beku tidak sempurna bagi bahan mentah sejuk beku.

Maka disarankan agar pengusaha kantin dan dewan makan sekolah agar lebih bertanggungjawab dalam menyediakan makanan. Ini adalah amanah besar yang perlu dilaksanakan pengusaha yang berjaya memperoleh tender dan tidak hanya bermatlamat untuk 'mencari makan' semata-mata. Mereka perlu menggalas keyakinan yang diletakkan oleh ibu bapa yang mengharap anak mereka diberi makanan yang bersih, selamat dan sihat.

Bagi penulis, mereka perlu melihat murid-murid sekolah ini seperti mana anak-anak mereka sendiri. Kalau anak sendiri, kita akan mengambil segala langkah

untuk memastikan makanan yang diperolehi itu selamat, jika setiap pengusaha memahami harapan ibu bapa serta tanggungjawab dan kepercayaan yang diberikan kepada mereka, tidak mustahil kes keracunan makanan di sekolah dapat dikurangkan malah tidak lagi berlaku.

Kes keracunan boleh dikurangkan lagi jika pengendali makanan di kantin dan guru sama-sama memikul tanggungjawab memastikan makanan yang dijual adalah bersih dan selamat. Jika setiap daripada kita sering mengamalkan tiga langkah penting iaitu lihat, hidu dan rasa ketika memilih makanan pastinya kita dapat mengelakkan keracunan daripada berlaku.

Di samping itu tindakan tegas perlu dikenakan seperti menyenaraikan hitamkan pengusaha kantin sekolah yang didapati menyebabkan berlakunya kes keracunan makanan. Mereka yang di senarai hitam tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di sekolah lain, serta perlu mengikuti kursus pengendalian makanan jika mahu menyambung semula operasi perniagaan mereka.

Isu ini bukanlah picisan dan boleh dipandang remeh oleh semua individu. Ia tidak hanya berkisar di dalam sekolah sahaja, malah di luar sekolah dan peranan ibu bapa di rumah. Semua pihak perlu memainkan peranan bermula daripada ibu bapa, guru, pihak sekolah, pengusaha kantin, penjaja dan juga pihak berkuasa.

Senario di kantin-kantin sekolah pada hari ini menghidangkan pelbagai jenis makanan yang menjadi pilihan pelajar. Namun, yang menjadi isu pokok yang dibimbangkan ibu bapa ialah jenis dan kepelbagaian makanan yang dijual di kantin yang terdiri daripada makanan segera dan tidak berkhasiat.

Mungkin kita tidak menyedari kewujudan larangan penjualan

15 makanan diproses di kantin sekolah yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan sejak 2012 yang diputuskan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penyakit Tidak Berjangkit. Mungkin juga gejala ini berleluasa kerana kegagalan mengeluarkan arahan atau suat pekeliling kepada pengusaha atau operator kantin sekolah menyebabkan makanan dan minuman tidak berkhasiat itu masih dijual secara berleluasa.

Bagaimanapun, ada 70 jenis makanan, termasuk nasi lemak dihadkan kekerapan jualannya kepada dua kali seminggu, disenaraikan sebagai makanan yang boleh dijual mengikut garis panduan baharu. Garis panduan itu dirangka bagi menangani masalah obesiti dan diabetes dalam kalangan pelajar yang semakin meningkat, terutama kanak-kanak, selain dijadikan langkah pencegahan peringkat awal.

Biarpun sudah ada Garis Panduan Penjualan Makanan dan Minuman di Kantin Sekolah yang dikeluarkan oleh kerajaan menyenaraikan makanan yang sesuai dijual di kantin sekolah, namun ia seolah-olah helai kertas yang tidak memberi apa-apa makna jelas dan implikasi adakah ini juga bermakna, pengusaha kantin hanya

melihat keuntungan yang cepat manakala pihak sekolah hanya memandang isu pemakanan sihat hanya sebelah mata dan ia semata-mata bergantung kepada pemilihan pelajar.

Barangkali kerana tiadanya penguatkuasaan daripada pihak atasan, penjual dan pengusaha kantin bebas untuk menjual apa sahaja yang dirasakan memberikan keuntungan berganda dan melarikan penjualan mereka.

Pelajar-pelajar sekolah yang akan menjadi mangsa kerana mereka hanya diberi pilihan makanan tidak sihat yang pada pendapat mereka, adalah sedap, menarik perhatian, menyejatkan dan memudahkan.

Namun, apa yang dilarang, itulah yang dilakukan mereka tanpa mempedulikan kesihatan anak-anak. Perkara ini menjadi kebimbangan ibu bapa kerana anak-anak sudah pasti akan terpengaruh untuk membeli makanan tersebut dan ia adalah di luar kawalan ibu bapa.

Apa-apa pun bagi penulis, biar bertegas sekarang jangan apabila sudah menjadi gawat baru nak merawat.

DR. AHMAD ZAHARUDDIN SANI
AHMAD SANI dan Universiti Utara
Malaysia (UUM).

AHMAD ZAHARUDDIN SANI



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.